

31/5/82 31 MAY 1982

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

ISNIN, 31 MEI, 1982

USAHASAMA KAUM DALAM PERNIAGAAN

RENCANA PENGARANG

SEBAB utama Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa ahli-ahli perniagaan mengadakan usahasama antara kaum ialah untuk mewujudkan perpaduan yang lebih erat di semua peringkat dan bidang. Tetapi ia juga adalah semangat dan matlamat sebenar Dasar Ekonomi Baru (DEB). Pembahagian kekayaan yang adil di bawah DEB dilakukan melalui pengalihan juadah ekonomi yang lebih besar. Walaupun, kerana kekurangan mereka yang ketara, Bumiputera diberi keutamaan, ia tidak bermaksud menyekat hak kaum lain apalagi merampasnya dari mereka.

Perniagaan-perniagaan yang dikuasai oleh sesuatu kaum sahaja wujud di sini sejak lama. Tetapi, seperti ditekankan oleh Perdana Menteri, perniagaan bukanlah hak sesuatu kaum tertentu. Golongan yang telah bertapak kokoh di dalamnya tidaklah boleh menganggap kemasukan kaum lain ke bidang ini sebagai merampas hak tradi-

si mereka. Golongan yang baru menjajaknya, dan dengan sokongan kuat Kerajaan pula, tidak boleh menganggap ini sebagai keistimewaan 'abadi'.

Lebih dari itu, realiti perniagaan yang saling berkait dan bergantung menyebabkan kini perniagaan yang dikuasai sepenuhnya oleh sesuatu kaum saja tidak mempunyai keupayaan besar untuk lebih maju lagi. Memanglah sejarah di sini telah membuktikan sebaliknya. Ikatan kaum dan pertalian kekeluargaan merupakan asas penting kejayaan banyak perniagaan kaum Cina di negara ini. Tetapi dengan perubahan yang berlaku sekarang keadaan demikian sudah tidak praktik lagi. Ahli-ahli ekonomi dan politik Cina sendiri kini kerap mengkritik kegiatan demikian serta memaparkan kelemahan-kelemahannya.

Perdana Menteri juga menyebut betapa perniagaan usahasama antara kaum ini boleh mengelakkan perbuatan 'pilih kasih' dalam pemberian lesen dan

permit. Kesannya dalam proses penawaran tender juga bukanlah kecil. Dengan corak perniagaan mengikut kaum sekarang, dan dengan usaha memberi bantuan kepada Bumiputera mengejar kemajuan kaum lain, kecenderungan yang kelihatan seperti 'pilih kasih' itu tidak dapat dielakkan. Kerana itu ia menimbulkan rasa getir yang bukan sedikit di kalangan ahli-ahli perniagaan kaum lain. Satu cara untuk mengatasinya ialah melalui perniagaan usahasama antara kaum. Tetapi ini tidaklah pula patut disalah-tafsirkan dengan perniagaan 'All-Baba'. Perkongsian jenis ini dikutuk kerana penyertaan Bumiputera di dalamnya hanyalah pada namanya saja dan untuk kepentingan mendapat keistimewaan — dengan itu tidak langsung dapat mencapai matlamat DEB. Apa yang patut wujud ialah usahasama sebenar dengan penyertaan yang aktif Bumiputera dalam semua seginya mengikut garis-garis yang ditetapkan di bawah DEB.